

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 16.5.2016

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kelas yang melebihi nisbah 26 murid satu kelas bagi sekolah rendah dan 27 murid satu kelas bagi sekolah menengah. Antara jumlah tersebut, berapanya adalah SK, SJCK, SJKT dan SMK dan SMJK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan lokasi sekolah menunjukkan nisbah murid bagi sesuatu kelas adalah berbeza-beza. Bilangan murid mengikut kelas lebih rendah di luar bandar berbanding di bandar khususnya di bandar besar. Keadaan ini berlaku di semua jenis sekolah sama ada di SK atau SJK.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 61.9 peratus kelas di sekolah rendah di seluruh negara mempunyai nisbah murid melebihi 26 orang, manakala sebanyak 62.9 peratus kelas di sekolah menengah mempunyai nisbah murid melebihi 27 orang.

Jumlah kelas di sekolah kebangsaan ialah 63.1 peratus, sekolah jenis kebangsaan Cina 73.5 peratus dan sekolah jenis kebangsaan Tamil 34.0 peratus mempunyai nisbah murid melebihi 26 orang. Sebanyak 61.9 peratus kelas di sekolah menengah kebangsaan dan 82.5 peratus kelas di sekolah menengah *Conforming* mempunyai nisbah murid melebihi 27 orang.

RJM07